



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BUKU BACAAN SIRI 2

Kerja Amal



PROGRAM PEMULIHAN KHAS
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2014



Kerja Amal



**PROGRAM PEMULIHAN KHAS
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2014**



KATA-KATA ALUAN



PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Transformasi.

Saya dengan rasa penuh sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Unit Pemulihan Khas, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah berjaya menghasilkan Buku Bacaan Siri 2.

Saya amat yakin kejayaan menghasilkan buku bacaan ini adalah gabungan pengalaman, kerjasama serta penghayatan agenda Bersama Melonjakkan Prestasi Pendidikan menerusi pemikiran dalam dimensi baharu dalam kalangan Guru Pemulihan Khas .

Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi perhatian kepada kecemerlangan akademik terutama penguasaan kemahiran asas Membaca, Menulis dan Mengira (3M). Pelbagai alternatif strategik dibina bagi memastikan semua murid khususnya tahap satu sekolah rendah boleh membaca dengan lancar.

Bagi menjayakan cita-cita semua murid tahap satu boleh membaca dengan lancar dalam tempoh masa yang lebih singkat maka semua Guru Pemulihan Khas diminta memastikan semua murid Program Pemulihan Khas memanfaatkan sepenuhnya buku ini. Keprihatinan ibu bapa atau penjaga juga amat diperlukan dalam memastikan cita-cita murni Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 'Semua Murid Tahap Satu Boleh Membaca dengan Lancar' dapat dicapai dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

'KECEMERLANGAN INSAN ISTIMEWA KEGEMILANGAN BERSAMA'

SHAZALI BIN AHMAD

Pengarah

Bahagian Pendidikan Khas

Kementerian Pendidikan Malaysia.

PENGENALAN



Ketidakupayaan membaca merupakan kelemahan murid pemulihan khas. Salah satu usaha bagi mengatasi masalah ini ialah dengan menyediakan bahan bacaan secara berperingkat yang bersesuaian dengan tahap murid pemulihan khas. Diharap dengan penggunaan bahan bacaan ini dapat meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran membaca khususnya murid-murid Pemulihan Khas secara terancang mengikut kaedah pengajaran bacaan Bahasa Melayu. Ia dimulakan dengan gambar dan perkataan berasaskan pengalaman murid. Perkataan-perkataan baharu yang diperkenalkan berkonsepkan bunyi-bunyi suku kata.

Isi kandungan buku ini berasaskan kepada beberapa tema yang dipilih mengikut kesesuaian .

Siri 1

- Mengandungi 10 siri buku yang berlainan tajuk.
- Memuatkan kemahiran 5 – 15
- Sukukata berwarna
- Kepelbagaian kandungan adalah sebagai motivasi dan keyakinan diri untuk membaca sendiri

Siri 2

- Mengandungi 10 siri buku
- Bermula kemahiran 16- 32
- Suku kata tidak berwarna

Semoga buku ini akan menjadi bahan bacaan mudah tetapi berkesan dalam membantu murid-murid belajar membaca dan memahami apa yang dibaca. Buku ini juga diharap dapat menarik dan menggalakkan murid-murid pemulihan untuk membaca.



Persatuan Kebajikan Murid Sekolah Kebangsaan Aminuddin Baki merancang untuk mengadakan kerja amal.

Semua murid sebulat suara bersetuju untuk mengikuti program ini.



**Rumah Anak-Anak Yatim Cahaya
Harapan menjadi pilihan.
Mereka menetapkan pada hari Sabtu
yang akan datang untuk melaksanakan
kerja amal itu.**



Program amal itu diketuai oleh Cikgu Fauzi dan isterinya Cikgu Fauziah. Sehari sebelum kerja amal itu dijalankan, mereka telah mengadakan mesyuarat dengan semua pelajar yang terlibat.



Seramai 20 orang murid berminat mengikuti program tersebut. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki membawa penyapu, kain buruk, mop, sabun, pencakar, dan bakul sampah.



Semua murid berkumpul di kawasan sekolah pada pukul lapan pagi. Mereka membawa peralatan yang diperlukan. Mereka pergi dengan menaiki bas mini.



Apabila tiba di Rumah Anak-Anak Yatim Cahaya Harapan, mereka disambut oleh penghuni asrama tersebut. Mereka diperkenalkan kepada semua penghuni asrama di situ.



Mereka memulakan kerja-kerja yang telah dirancang.

Kumpulan Sara membersihkan kawasan hadapan asrama.

Kumpulan Sani pula membersihkan kawasan belakang asrama.

Manakala, kumpulan lain membersihkan bahagian dalam asrama.



Setelah selesai membersihkan kawasan asrama, mereka pun berehat. Cikgu Fauziah menyuruh Sara mengambil minuman dan kuih-muih untuk dimakan bersama-sama. Selepas makan mereka mengemaskan barang-barang untuk pulang.



Sebelum pulang, mereka berkumpul di dewan bersama penghuni Asrama Cahaya Harapan.

Cikgu Fauzi mengambil kesempatan memberikan ucapan dan nasihat kepada anak-anak yatim yang ada di situ.

Sebagai kenang-kenangan mereka bergambar serta menyampaikan sedikit cenderamata.



Setelah selesai, semua murid diminta sekali lagi bersalaman dengan penghuni Asrama Cahaya Harapan. Ada di antara mereka yang mengalirkan air mata kerana terlalu sedih untuk berpisah.

Cikgu Fauzi dan Cikgu Fauziah berharap aktiviti seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa hadapan.

Perbendaharaan kata :

sedih

aktiviti

program

asrama

pencakar

penghuni

mesyuarat

mengadakan

diperkenalkan

dilaksanakan

mengemaskan

cenderamata

bas mini

air mata

kain buruk

kerja amal

Soalan pemahaman:

- 1. Namakan rumah anak yatim yang dilawati oleh Sekolah Kebangsaan Aminuddin Baki.**

- 2. Berapakah jumlah murid yang berminat menyertai lawatan itu?**

- 3. Apakah kenderaan yang dinaiki semasa mereka pergi lawatan?**

- 4. Siapakah yang memberi ucapan dan nasihat kepada penghuni Asrama Cahaya Harapan?**

- 5. Bagaimanakah perasaan murid-murid semasa ingin pulang ?**

Bahagian Pendidikan Khas,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 2, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 PUTRAJAYA